

# RUJUKAN SEJARAH ISLAM

Muzium Kesenian Islam  
Kuala Lumpur hanya ditutup pada Aidilfitri




UMLAH galeri pameran yang luas dan pelbagai konsep sesuai untuk dilawati seisi keluarga.

Islam di pelbagai negara bermula di barat dunia Islam, Sepanyol sehingga berkembang pesat di Asia.

Kurator Muzium Nurul Iman Rusli berkata, 10 daripada 12 galeri berkenaan adalah galeri tetap iaitu untuk seni bina, al-Quran dan manuskrip, senjata dan persenjataan, mata wang, barangan kemas, seramik, kayu dan gaya hidup dan tekstil.

Beliau berkata, meskipun terdapat 12,000 koleksi pameran, hanya 2,500 barangan dipamerkan pada satu-satu masa dan sentiasa ditukar



KEPELBAGAIAN seni lukis ditawarkan kepada pengunjung.



BARANGAN dan peralatan persenjataan antara yang menarik untuk dilihat.

kesenian lain.

“Jika ada pameran di galeri pameran khas, kami akan sediakan aktiviti yang bersesuaian untuk disertai pengunjung mengikut kesesuaian masa dan tema pameran berkenaan.

“Aktiviti yang bersifat interaktif ini penting untuk mempelbagaikan kegiatan pengunjung di muzium ini dan bukan sekadar melihat koleksi pameran dan membaca sejarah mengenainya sahaja.”

Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprima.com.my

Muzium ini mempunyai keunikan dan berbeza daripada muzium kesenian Islam yang lain terutama dari segi koleksi pameran asli yang pelbagai

## NURUL IMAN

**Mempunyai** 12,000 koleksi asli berkaitan sejarah pembangunan Islam dari abad ketujuh sehingga ke-19, malah dikatakan menjadi lokasi rujukan sejarah Islam paling besar di Asia Tenggara, nama Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur sememangnya tidak asing dalam kalangan pelancong luar ke Malaysia.

Reka bentuk bangunan moden dan berhampiran Masjid Negara, menjadikan muzium swasta ini begitu indah dari luar sebelum pengunjung menerokai isi serta cerita di dalamnya.

Dibuka sejak 1998, muzium itu yang mempunyai 12 galeri utama dilihat begitu inklusif dalam menceritakan kemajuan

pelajar, RM7 bagi warga emas melebihi 60 tahun dan percuma buat kanak-kanak di bawah usia enam tahun. Sekiranya tiada pameran di galeri pameran khas, harga tiket dikurangkan RM2.

“Muzium ini mempunyai keunikan dan berbeza daripada muzium kesenian Islam yang lain terutama dari segi koleksi pameran asli yang pelbagai. Koleksi di sini juga datang dari pelbagai negara di dunia di mana pemilik koleksi bekerjasama dengan kami untuk mempamerkan barangan mereka di Malaysia.

“Selain itu, dua galeri lain iaitu galeri pameran sementara mempamerkan barangan yang khas hasil kerjasama dengan entiti luar seperti pihak kedutaan dan institusi sejarah antarabangsa. Kami juga mempunyai galeri utama yang mempamerkan karya fotografi berkaitan dunia Islam,” katanya.

Muzium itu dibuka setiap hari bermula jam 10 pagi hingga 6 petang, hanya ditutup pada Aidilfitri.

Bayaran masuk adalah RM14 untuk dewasa, RM7 untuk pemegang kad

sebulan dan ia tidak sekadar menawarkan pertunjukan pameran kepada orang ramai malah terdapat pelbagai aktiviti lain yang boleh dilakukan.

Misalnya pada setiap Sabtu pihak muzium biasanya mengadakan aktiviti menulis kaligrafi Islam dan pada Ahad pula, acara bercerita dan

katanya.

Katanya, muzium itu juga mempunyai perpustakaan yang menempatkan 20,000 tajuk berkaitan Islam dan ia dibuka kepada pengunjung yang membuat tempahan sahaja.

“Perpustakaan ini juga sering digunakan oleh pelajar tempatan dan luar negara untuk mencari rujukan mengenai kesenian Islam antarabangsa dan bagi mereka yang berminat untuk menggunakannya boleh memohon menerusi emel,” katanya.

**REKA bentuk moden Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur.**




# MERCU TANDA PULAU PINANG

HARIAN METRO 28/08/2018 M/S 33 FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL & ZULAIKHA ZAINUZAMAN

Masjid Kapitan  
Keling berusia  
218 tahun  
tarik kehadiran  
kira-kira 3,000  
pelancong asing  
setiap tahun

MASJID Kapitan Keling  
seakan-akan Taj Mahal.



**ASPEK** kekemasan dan kebersihan sentiasa dititikberatkan pihak masjid.

**ANTARA** seni bina klasik yang masih utuh.



**Hafiz Ithnin**

hafizithnin@mediaprima.com.my

**Pulau Pinang** bukanlah calang-calang nama dalam kemampuannya menarik kunjungan pelancong asing. Kekuatannya didasari kepelbagaian daya tarikan yang menggabungkan keunikan sejarah, makanan, masyarakat, alam semula jadi sehingga konsep pembangunan moden.

Di sebalik terkenal dengan pembangunan industri pelancongannya, rumah ibadat turut menjadi mercu tanda penting bagi Pulau Pinang yang sentiasa menarik perhatian pelancong asing dan tempatan untuk melawatinya dari semasa ke semasa.

Sekiranya berada di



**KAKITANGAN** masjid bersedia memberikan penerangan.

Georgetown sudah pasti Masjid Kapitan Keling di tengah-tengah laluan sibuk di bandar berkenaan mencuri pandangan kerana ia antara bangunan bersejarah yang masih terpelihara dengan baik.

Berusia 218 tahun, masjid yang di Jalan Masjid Kapitan Keling ini diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Ketua Biro Dakwah Masjidnya Kamarudin Abdullah berkata, masjid berkenaan sememangnya mempunyai daya tarikan tersendiri terutama mengenai sejarah kewujudannya dan reka bentuk seakan-akan Taj Mahal di India.

Beliau berkata, setiap tahun Masjid Kapitan Keling menarik kehadiran kira-kira 3,000 pelancong asing dan ketika berlangsungnya Hari Warisan Dunia Georgetown yang diadakan setiap

tahun, jumlah pelancong meningkat kepada 2,000 orang sehari.

"Kakitangan kami sentiasa bersedia menunggu kedatangan pelancong untuk memberi maklumat yang tepat mengenai sejarah dan penjelasan ajaran Islam.

"Sememangnya aktiviti melawat Masjid Kapitan Keling dalam kalangan pelancong asing jika ke Georgetown bukan sesuatu yang asing kerana mereka dapat mempelajari pelbagai perkara dan kita juga boleh memberi penjelasan dalam sesi soal jawab," katanya.

Kamarudin berkata, masjid berkenaan juga menyediakan kemudahan seperti jubah bagi menutup aurat pelancong ketika melawat kawasan dalaman.

Katanya, kemudahan seperti ini memberi pendedahan kepada pelancong bahawa masjid adalah satu kawasan yang boleh dilawati semua orang tetapi ada adab yang perlu dipatuhi khususnya

membabitkan soal pakaian. Ia juga mengajar pelancong bahawa masjid adalah rumah ibadat yang mementingkan kesopanan.

"Pelancong berpuas hati kerana mereka bukan sahaja dapat melihat tinggalan sejarah di negeri ini tetapi mempelajari mengenai ajaran Islam yang sudah lama bertapak di sini.

"Bukan sekadar itu, pelancong juga diberi pendedahan mengenai cara orang Islam melakukan ibadat seperti sembahyang dan mengambil wuduk yang menunjukkan pentingnya soal kebersihan serta kesucian. Perkara seperti ini sudah tentu dapat menarik minat mereka untuk mengetahui lebih mendalam mengenai Islam," katanya.

Masjid Kapitan yang terletak di kawasan strategik di bandar berkenaan sememangnya mudah diakses dan begitu hampir dengan beberapa destinasi tarikan pelancong lain di

sekitarnya seperti Padang Kota Lama.

Bagi mereka yang ingin berjalan dari mana-mana lokasi di bandar berkenaan untuk menuju ke masjid berkenaan juga tidak sukar kerana terdapat banyak papan tanda sebagai penunjuk arah. Jika masih ragu-ragu, tanya saja kepada penduduk setempat. Mereka akan berbesar hati membantu anda.

Masjid berkenaan yang dibuka setiap hari bermula jam 11.30 pagi hingga 6 petang untuk kunjungan pelancong tidak dikenakan sebarang bayaran kemasukan atau kos penerangan.

Katanya, memandangkan Masjid Kapitan Keling sebagai destinasi pelancongan, ia sentiasa dijaga rapi dan infrastruktur binaannya juga tidak boleh diubah sesuka hati memandangkan bangunan itu diiktiraf sebagai warisan UNESCO.



**LOKASI** strategik memudahkan pelancong melawatnya

# 'TAJ MAHAL' IPOH

HARIAN METRO 28/09/2019 M/S 34

## Masjid Panglima Kinta miliki ciri binaan unik dan sejarah tersendiri

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@media-  
prima.com.my

**Usianya** sudah menjangkau 120 tahun namun masih gagah berdiri dan menyerlah walaupun dikelilingi pembangunan moden yang pesat. Kala ada yang memandangnya hanya sebuah masjid lama, dalam diam rumah ibadat itu sebenarnya adalah tanda cinta dari suami buat si isteri.

Jika di sebut Taj Mahal di India, ramai tahu ia adalah lambang cinta Shah Jehan yang mengabadikan rasa kasihnya kepada Mumtaz. Namun tahukah anda, di negara kita juga ada monumen cinta milik yang dibina Datoh Panglima Kinta Mohamed Yusof Lasam buat isterinya iaitu Masjid Panglima Kinta di Kampung Kuchai Ipoh, Perak.

Dibangunkan pada 1898, masjid itu kini menjadi salah satu mercu tanda utama di Ipoh dan sudah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 sebagai bangunan warisan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

Mempunyai reka bentuk

seni bina yang unik gabungan motif Moghul dan Neoklasik, masjid berkenaan yang turut dikenali sebagai Masjid Tengah satu ketika dahulu masih mengekalkan ciri klasiknya yang menjadi perhatian pengunjung sekiranya bertandang ke Ipoh.

Setiausaha Masjid Panglima Kinta Dr Adib Vincent Tung Abdullah berkata, masjid itu sememangnya menjadi tarikan pelancong tempatan dan asing untuk melihat sendiri keunikan dan mengetahui sejarah kewujudannya di tengah bandar berkenaan.

Beliau berkata, memandangkan Masjid Panglima Kinta kaya dengan elemen seni bina unik dan sejarah membabitkan masyarakat pembesar tempatan, ia menerima kunjungan secara purata 500 orang setiap bulan.

"Bilangan kunjungan pelawat asing ke masjid ini sebenarnya meningkat dari semasa ke semasa kerana kami

mendapat sokongan daripada masyarakat setempat yang bersama-sama mempromosikan masjid ini kepada pelancong asing.

"Bagi masyarakat setempat, masjid ini mempunyai daya tarikan tersendiri dari segi agama, sejarah dan reka bentuk yang perlu dikongsi dengan masyarakat luar," katanya.

Adib berkata, bagi pengunjung luar yang datang ke masjid berkenaan juga disediakan perkhidmatan pemandu pelancong terdiri daripada ahli masjid itu sendiri bagi memberi penerangan dan melakukan pelbagai aktiviti lain.

Katanya, memandangkan Masjid Panglima Kinta sering menerima kunjungan pelancong asing, pihaknya menyediakan pemandu pelancong yang fasih berkomunikasi dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin.

"Pemandu pelancong di dalam masjid yang fasih dalam ketiga-tiga bahasa ini penting bagi

mbolehkan mereka memberi penjelasan kepada pelancong yang datang dari pelbagai negara. Kami mahu orang ramai yang berkunjung ke sini menerima perkhidmatan profesional.

"Meskipun mempunyai pemandu pelancong, pihak masjid tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pelancong asing kerana kami ingin menjadikan masjid ini sebagai lokasi rujukan orang ramai mengenai Islam," katanya.

Masjid Panglima Kinta yang beroperasi setiap hari menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong dari jam 9 pagi hingga 6 petang sahaja dan berhenti seketika pada waktu solat Zuhur dan Asar.

Berhampiran masjid itu juga terdapat sebuah madrasah lama yang menjadi antara pusat pendidikan Islam terawal Ipoh.

Menurutnya,



Bagi masyarakat setempat, masjid ini mempunyai daya tarikan tersendiri dari segi agama, sejarah dan reka bentuk yang perlu dikongsi dengan masyarakat luar

**DR ADIB VINCENT**

pelancong yang datang ke masjid itu turut diberikan jubah bagi menutup aurat sekiranya mereka tidak memakai pakaian yang bersesuaian bagi menghormati adab memasuki masjid.





**MASJID** Panglima Kinta kaya dengan sejarah.



**KAKITANGAN** yang mesra pelancong menjadikan Masjid Panglima Kinta sering dikunjungi.



**KEUNIKAN** reka bentuk menjadi tarikan pelancong.



**PELANCONG** asing diberikan jubah khas untuk meninjau kawasan di dalam masjid.